**JABATAN MUFTI NEGERI PERAK**

**PANDANGAN MUFTI (IRSYAD/PANDUAN HUKUM)**

**HUKUM MENIPU DALAM PILIHANRAYA**

Umat Islam khususnya dan rakyat Malaysia amnya tidak seharusnya mengasingkan diri daripada sistem pengundian semasa pilihanraya umum atau pilihanraya kecil, kerana proses pengundian ini merupakan mekanisma tunggal yang menjadi penentu siapakah yang bakal menerajui tampuk kepimpinan negara yang akan memimpin dengan adil dan saksama.

Jabatan Mufti Negeri Perak mengingatkan agar sepanjang tempoh berkempen dan semasa proses pembuangan undi, umat Islam dinasihatkan supaya menjauhkan diri daripada perbuatan khianat dan menipu yang dilarang oleh syarak.

Perbuatan menipu termasuk dalam dosa-dosa besar dan merupakan suatu keaiban yang keji. Malah, para ulama telah menyatakan secara *ijma'* akan pengharamannya. Hal ini sebagaimana firman Allah SWT dalam Surah al Hajj ayat 30:

فَٱجْتَنِبُوا۟ ٱلرِّجْسَ مِنَ ٱلْأَوْثَٰنِ وَٱجْتَنِبُوا۟ قَوْلَ ٱلزُّورِ

Maksudnya: "*Maka jauhilah kekotoran syirik yang disebabkan oleh penyembahan berhala, serta jauhilah perkataan yang dusta*."

Peringatan ini bukan sahaja tertakluk kepada para pengundi, malah kepada para petugas serta pihak yang terlibat mengelolakan proses pengundian sepanjang pilihanraya umum ini.

Antara contoh penipuan yang berlaku sepanjang tempoh berkempen termasuklah menjanjikan manifesto sukar untuk dilaksanakan, memfitnah pihak lain semata-mata untuk meraih sokongan, serta menyebarkan risalah-risalah palsu demi mencipta imej buruk pihak lawan kepada orang lain.

Penipuan sepanjang proses pengundian pula seperti pemalsuan identiti, pengundian dua kali dan sebarang aktiviti yang mengganggu ketelusan proses pilihanraya.

Sebarang unsur penipuan dan pengkhianatan mestilah dielakkan agar proses pilihanraya ini benar-benar menatijahkan keputusan yang telus tanpa sebarang pertikaian dan penyesalan di kemudian hari.

Tarikh : 16 November 2022
No. Fail: MN.Pk.A351.IST/05/9 JLD.9

**SS. DATO' HAJI WAN ZAHIDI BIN WAN TEH**
Mufti Negeri Perak
Darul Ridzuan